

TAHAP PENGUASAAN METAKOGNITIF PELAJAR DALAM MEMBACA TEKS ARAB

QURRATU 'AINI BAHARUDIN¹
NIK FARHAN MUSTAPHA²
CHE RADIAH MEZAH³

ABSTRAK

Metakognitif dikatakan dapat membantu pelajar menjadi lebih berkemahiran, berkeupayaan dan bertanggungjawab dalam pembacaan. Makalah ini bertujuan untuk mengetahui tahap metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab. Seramai 256 orang pelajar telah dipilih secara rawak daripada 4 buah universiti. Instrumen berbentuk soal selidik telah digunakan merangkumi tiga strategi metakognitif, iaitu strategi global, strategi penyelesaian masalah dan strategi sokongan. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah perisian *Statistical Packages for The Social Science* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan strategi global mencatatkan tahap strategi tertinggi. Item yang mencatatkan rekod tertinggi bagi strategi ini ialah strategi yang mempunyai tujuan apabila membaca, selain strategi memanfaatkan jadual, rajah atau gambar dalam teks untuk meningkatkan kefahaman. Strategi sokongan pula berada di tempat yang kedua. Strategi membuat garisan atau bulatan pada maklumat dan strategi menggunakan bahan rujukan merupakan item yang mencatatkan rekod tertinggi bagi strategi ini. Strategi penyelesaian masalah pula merekodkan strategi ketiga dengan itemnya yang mencatatkan nilai tertinggi ialah strategi mengulangi pembacaan dan strategi membaca dengan berhati-hati untuk meningkatkan kefahaman. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mencatatkan para pelajar menggunakan strategi metakognitif pada tahap yang sederhana.

Katakunci: metakognitif, pembacaan, strategi global, strategi penyelesaian masalah, strategi sokongan

ABSTRACT

Metacognitive can help students become more skilled, capable and responsible in reading. This paper aims to determine the level of metacognition in reading Arabic texts. A total of 256 students were randomly selected from four universities. The instrument of questionnaire was used, comprising three metacognitive strategies,

¹ Qurratu 'Aini Binti Baharudin, Master Student (Arabic Language) Faculty of Modern Language and Communication, UPM, ainibaharudin@yahoo.com

² Nik Farhan Binti Mustapha (Dr.), PhD Arabic Linguistic Studies, Senior Lecturer Faculty of Modern Language and Communication, UPM, farhan@upm.edu.my

³ Che Radiah Binti Mezah (Dr.), Phd Applied Linguistic, Senior Lecturer Faculty of Modern Language and Communication, UPM, cradiah@fbmk.upm.edu.my

namely global strategies, problem-solving strategies and support strategies. Data were then analyzed using the software Statistical Packages for the Social Science (SPSS). Findings demonstrated that global strategy recorded the highest level of strategy. The highest recorded items for this strategy were there strategy that has the purpose of reading, as well as strategies for capitalizing on tables, diagrams or pictures in text to increase understanding. Support strategy will be in second place. Strategies to make the line or circle on the information and strategies to use reference materials are items that the highest recorded for this strategy. Problem-solving strategy has recorded a third strategy, which recorded the highest value. The item is repeated reading strategies and reading strategies carefully to improve understanding. Overall, the findings recorded students' metacognitive strategies in the medium level.

Keywords: metacognitive, reading, global strategy, problem-solving strategy, support strategy.

Pendahuluan

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada kemahiran asas yang sangat dititik beratkan dalam pengajaran bahasa khususnya pendidikan formal di sekolah. Hal ini telah dijelaskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, (1983) dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah KBSR sejak tahun 1983.

Bukan itu sahaja, kemahiran membaca perlu diajar kepada pelajar supaya pelajar dapat menguasai kemahiran ini semaksima mungkin. Hal ini kerana membaca merupakan tuntutan kepada usaha meningkatkan mutu kehidupan insan dan harus dilakukan secara berterusan (Wan Zahid, 1994). Tanpa pembacaan yang meluas, seseorang tidak dapat menambah pengetahuan dan pengalaman malah dia perlu berusaha untuk mendekatkan dirinya dengan bahan bacaan umpama buku, akhbar, majalah dan bahan cetakan yang lain (Safiah, 1990).

Pernyataan Masalah

Prestasi pelajar dalam bandar dan luar bandar agak rendah dalam bidang akademik begitu juga keupayaan mereka dalam membaca (Paik, 2001). Safiah (1996) menyatakan hal yang sama selama beberapa tahun yang lalu berkaitan perkara ini yang telah menjadi perhatian kerajaan. Kelemahan ini berlaku, mungkin berpunca daripada pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang sangat berkesan tentang strategi membaca yang betul. Kajian Nik Farhan (2011) membuktikan pelajar tidak berkemampuan menggunakan strategi membaca dengan betul dalam memahami teks. Mereka didapati lemah dalam mengatur strategi dan aktiviti sebelum, semasa dan selepas membaca (Muhammad Azhar, 2004).

Bagi memastikan pembelajaran bahasa terutamanya bahasa Arab berlaku dengan jayanya, para pelajar perlu mempunyai strategi yang berkesan bagi tujuan memudahkan dan mengekalkan penguasaan bahasa yang dipelajarinya. Terdapat banyak strategi membaca seperti Inkuiri Terarah, Pertentangan Pola, Strategi Kognitif dan Strategi Metakognitif. Strategi Metakognitif merupakan salah satu strategi membaca yang mendapat perhatian pakar bahasa (Flavell, 1979).


Strategi ini dianggap penting dalam proses membaca kerana pembaca yang aktif tidak hanya membaca untuk memahami kandungan teks, tetapi perlu sedar tentang proses membaca. Menurut Costa (1998) berfikir secara metakognitif merupakan pengawalan dalam pembacaan kerana seseorang haruslah mempunyai kebolehan untuk mengetahui apa yang mereka tahu dan juga mengetahui apa yang mereka tidak tahu. Beliau juga mengesyorkan bahawa metakognitif ini merupakan strategi yang diperolehi melalui pembelajaran.

Metakognitif

Metakognitif ini sebenarnya telah diperkenalkan oleh John H. Flavell (1979). Metakognitif adalah berkaitan pemikiran seseorang tentang sesuatu (Flavell, 1976). Mengikut tanggapan yang dibuat oleh ahli psikologi, jika manusia mengetahui bagaimana cara minda beroperasi, maka manusia boleh mengawal dan mengatur atau mengarah pemikiran ke arah matlamat yang ingin dihasilkan.

Perbincangan secara teoritikal tentang metakognitif merupakan tema popular dalam penyelidikan berkaitan membaca (Flavell 1976). Baker & Brown (1984) mengatakan sesiapa yang mengaplikasikan strategi metakognitif akan menghadapi teks dengan mudah dan pantas. Apabila ia sedar gagal dalam memahami teks, pembaca yang baik akan merancang tindakan dan mengambil masa untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

Kerangka Konseptual





Rajah 1: Kerangka Konseptual

Metakognitif boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu, strategi global, strategi penyelesaian masalah dan strategi sokongan.

i) Strategi global.

Berdasarkan perspektif membaca, apabila seseorang mempunyai tujuan, akan memudahkan baginya mengendalikan aktiviti membaca. Cairney (1990) menekankan penetapan tujuan membaca yang jelas sebagai penentu kepada tindakan semasa membaca. Contohnya, apabila seseorang itu terlibat dalam aktiviti menyelesaikan masalah, ia akan merancang terlebih dahulu apakah jenis tugas pemikiran yang akan dijalankan. Hal ini supaya pembaca dapat memahami tujuan sebenar pembacaan pada ketika itu.

ii) Strategi penyelesaian masalah.

Strategi penyelesaian masalah menitikberatkan aspek kesedaran ketika menyempurnakan tugas teks. Kesedaran yang dimaksudkan adalah dengan melihat kembali perancangan untuk menjangkakan langkah yang akan datang dan lebih tepat daripada apa yang sedang dilakukan pada ketika itu (Yahya, 2008). Contohnya, kebanyakan pembaca yang tidak faham, mereka akan mengambil tindakan dengan membuat andaian ketika membaca teks naratif, melihat sesuatu objek dan membuat andaian yang dilihat supaya selaras dengan pemahaman yang dicapai. Bagi strategi penyelesaian masalah, pembaca perlu meletakkan diri sebagai peneliti yang cekap bagi menentukan pembacaan berada pada landasan yang betul (Kobayashi, 2002). Kesedaran pengetahuan seseorang tentang sumber mekognitifnya akan disadari dan timbul mengikut kesesuaian situasi yang berlaku dalam proses pembacaan.

iii) Strategi sokongan

Pelaksanaan strategi sokongan merupakan suatu kaedah atau tindakan tambahan yang dapat membantu pembaca untuk memahami teks jika merasakan perlu. Matlamat utama srategi ini adalah untuk mendapatkan mesej di samping berupaya

menilai kandungan teks. Antara langkah yang sering dilakukan oleh pembaca adalah menggunakan bahan lain sebagai rujukan, contohnya penggunaan kamus digunakan dalam menghadapi kesukaran memahami teks dan sekaligus dapat menambahkan tahap pemahaman (Yahya, 2008). Ini bermakna pembaca perlu mampu menganalisis, mengenalpasti, mewujudkan sokongan, dan menentukan kredibiliti berdasarkan teks yang dibaca.

Justeru, pembaca perlu sedar bahawa dengan merujuk buku atau teks lain, pembaca mampu memahami perkara yang dibaca ketika itu. Selain itu, pembaca boleh menggunakan internet untuk mengakses maklumat berkaitan teks yang dibaca.

Objektif

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan metakognitif pelajar dalam membaca teks Arab.

Metodologi Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 256 orang pelajar yang mengambil pengkhususan bahasa arab di 4 buah universiti, iaitu Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Malaya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Data yang dikutip melalui soal selidik terdiri daripada 30 item soalan. Ia dikategorikan kepada dua bahagian:

- i) Bahagian A: Latar Belakang Responden. Bahagian ini dibentuk sendiri oleh pengkaji bertujuan mendapatkan maklumat yang relevan tentang latar belakang responden.
- ii) Bahagian B: Tahap metakognitif berdasarkan tiga bahagian iaitu strategi global sebanyak 13 item soalan, strategi sokongan sebanyak 9 item soalan dan strategi penyelesaian masalah sebanyak 8 soalan. Kesemua mereka telah diberikan satu indeks untuk mengukur tahap metakognitif membaca mereka. Analisis deskriptif digunakan dalam menentukan tahap seperti kekerapan, peratus, min, sisihan piawai bagi mencapai objektif.

Analisis Data

Item soalan pada bahagian B menggunakan skala Likert yang mengandungi 4 jawapan yang berskala 1-4. Item tersebut mengikut pemeringkatan markah yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Skala dan respon bagi tahap strategi metakognitif

Bilangan	Skala
----------	-------

1	Tidak pernah
2	Jarang-jarang
3	Biasa
4	Selalu

Menurut Rahimah (2006), soal selidik yang menggunakan markat dalam skala Likert perlu diubah untuk memudahkan proses analisis data seperti Jadual 2:

Jadual 2: Pengkelasan tahap skala bagi item soal selidik.

Skala Pengkaji	Tahap Skala
76-100	Tahap Tinggi
51-75	Tahap Sederhana
25-50	Tahap Rendah

Kebolehpercayaan indeks ini pula dapat dilihat melalui ujian *cronbach alfa* yang dilakukan mendapati nilai *cronbach alfa* adalah 0.925. Selain itu, ia juga bagi mengetahui kebolehpercayaan item. Menurut Chua (2012) nilai alfa antara 0.80-0.95 dianggap tinggi dan memuaskan untuk mengukur konsep dalam kajian.

Dapatan

Skor Min dan Sisihan Piawai Strategi Global

Jadual 3: Skor min dan sisihan piawai strategi global (n =256).

Item soalan	Min (M)	Sisihan Piawai(SP)
Tujuan membaca	3.49	.626

Guna teks	3.21	.742
Baca teks sepintas lalu	3.19	.808
Teks menepati tujuan	2.98	.794
Membaca pantas	2.76	.897
Tentukan apa yang harus dibaca	3.08	.799
Manfaatkan jadual, rajah dan gambar	3.44	.660
Menggunakan penunjuk konteks	3.26	.750
Menggunakan bentuk penulisan	2.69	.979
Analisis secara kritis dan menilai maklumat	2.80	.730
Menilai kembali kefahaman	3.28	.670
Cuba untuk meneka	3.33	.693

Jadual 3 menunjukkan bacaan min dan sisihan piawai bagi strategi global. Dapatan membuktikan item bagi soalan “tujuan membaca” mencatatkan nilai tertinggi (M= 3.49, SP= .626), diikuti dengan “memanfaatkan jadual, rajah dan gambar” (M= 3.44, SP= .660). Seterusnya, strategi ketiga tertinggi adalah “cuba untuk meneka” (M= 3.33, SP= .693), disusuli oleh strategi “menilai kembali kefahaman (M=3.28 SP= .670). Strategi “menggunakan penunjuk dalam konteks” (M= 3.26, SP= .750) menduduki tempat keenam, manakala item yang kurang kekerapannya ialah “menggunakan bentuk penulisan” (M=2.69, SP= .750).

Analisis Tahap Strategi Global

Jadual di bawah menunjukkan tahap strategi global, seperti berikut:

Jadual 4: Tahap Strategi Global (n=256).

Tahap	Frekuensi	Peratus
Tinggi	98	38.3
Sederhana	105	41.0
Rendah	46	20.7
Jumlah	256	100

Jadual 4 menunjukkan tahap strategi global. Secara umumnya, tahap strategi metakognitif membaca dibahagikan kepada tiga kelompok, iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Pada strategi global menunjukkan bahawa 41.0% sederhana manakala sebanyak 38.3% tinggi. Manakala sebanyak 20.7% meletakkan diri pada tahap rendah. Skor min tertinggi bagi strategi global menunjukkan bahawa tujuan membaca yang paling utama (M= 3.49) dalam (jadual 3). Seterusnya, "memanfaatkan jadual, rajah dan gambar dalam teks" (M= 3.44) dan "cuba untuk meneka" sebanyak (M= 3.33). Item yang kurang kekerapannya adalah item "menggunakan bentuk penulisan" (M=2.69).

Hal ini menunjukkan sampel kajian lebih mengutamakan tujuan membaca seperti cuba meneka maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis dan menilai kembali kefahaman apabila mendapati maklumat bercanggah, namun bukan tujuan utamanya menggunakan bentuk penulisan.

Skor Min dan Sisihan Piawai Strategi Penyelesaian Masalah

Jadual di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai strategi penyelesaian, seperti berikut:

Jadual 5: Skor min dan sisihan piawai strategi penyelesaian masalah (n=256).

Item soalan	Min (M)	Sisihan Piawai(SP)
Membaca dengan berhati hati	3.48	.626
Kembali focus	3.46	.619
Baca laju apabila faham, baca lambat apabila tidak faham	3.36	.775
Memberi lebih perhatian apabila teks sukar	3.47	.650
Berhenti dari semasa ke semasa untuk berfikir	3.20	.723
Gambarkan di dalam minda	3.33	.682
Mengulangi pembacaan	3.56	.610
Meneka makna perkataan atau frasa	3.37	.696

Jadual 5 menunjukkan dapatan skor min dan sisihan piawai bagi lapan (8) item strategi penyelesaian masalah. Skor min tertinggi (M= 3.56, SP= .610) ialah item “mengulangi pembacaan”, dituruti dengan “membaca dengan berhati-hati” (M=3.48, SP= .626). Manakala, dua item terakhir dengan kekerapan terendah pula ialah “memberi lebih perhatian apabila teks sukar” (M=3.47, SP= .650) dan “berhenti dari semasa ke semasa untuk berfikir (M=3.20, SP= .723).

Analisis Tahap Strategi Penyelesaian Masalah

Jadual yang menunjukkan tahap strategi penyelesaian masalah, adalah seperti berikut:

Jadual 6: Tahap strategi penyelesaian masalah (n=256)

Tahap	Frekuensi	Peratus
Tinggi	252	98.4
Sederhana	4	1.6
Jumlah	256	100

Dapatan strategi penyelesaian masalah menunjukkan tahap sederhana sebanyak (1.6%) dan tahap tinggi pula adalah (98.4%). Berdasarkan dapatan kajian, tiada pelajar yang berada pada tahap rendah. Jadual 5 mencatatkan “mengulangi pembacaan untuk meningkatkan kefahaman” merupakan nilai kekerapan yang tinggi

(M= 3.56) bagi strategi penyelesaian masalah. Seterusnya nilai (M=3.48) peratusan yang sederhana iaitu “membaca dengan berhati-hati untuk memastikan faham”.

Skor Min dan Sisihan Piawai Strategi Sokongan

Jadual di bawah menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi strategi sokongan, seperti berikut:

Jadual 7: Skor min dan sisihan piawai strategi sokongan (n =256).

Item soalan	Min (M)	Sisihan Piawai(SP)
Membuat nota	2.94	.856
Membaca secara kuat	3.10	.916
Membuat ringkasan	3.12	.800
Berbincang dengan orang lain	3.22	.737
Membuat garisan dan bulatan	3.54	.672
Menggunakan rujukan	3.47	.679
Menulis semula idea	3.00	.835
Melihat maklumat awal dan terkemudian	3.00	.730
Mengajukan beberapa soalan pada diri sendiri	3.07	.791

Jadual 7 menunjukkan dapatan skor min dan sisihan piawai bagi strategi sokongan. Dapatan menunjukkan soalan “membuat garisan dan bulatan” mencatatkan nilai tertinggi (M= 3.54, SP= .672), manakala item kedua tertinggi adalah “menggunakan bahan rujukan” (M= 3.47, SP= .679). Seterusnya. Strategi ketiga tertinggi adalah “berbincang dengan orang lain” sebanyak (M= 3.22, SP= .737), disusuli dengan strategi “membuat ringkasan” mencatatkan rekod (M=3.12 SP=.8.00). Kedudukan kelima adalah item “membaca secara kuat” (M= 3.10, SP= .916), manakala item yang kekurangan terendah adalah item “membuat nota” (M=2.94, SP= .856).

Analisis Tahap Strategi Sokongan

Jadual di bawah menunjukkan tahap strategi sokongan, seperti berikut:

Jadual 8: Tahap strategi sokongan (n=256)

Tahap	Frekuensi	Peratus
-------	-----------	---------

Tinggi	158	61.7
Sederhana	96	37.5
Rendah	2	0.8
Jumlah	256	100

Bagi dapatan kajian strategi sokongan pula, sebanyak (37.5 %) pada tahap sederhana dan (61.7%) pada tahap tinggi. Sebanyak (2%) sampel yang meletakkan dirinya pada tahap rendah. Antara strategi yang paling kerap digunakan ialah membuat garisan dan bulatan pada maklumat teks ($M= 3.54$). Manakala item kedua tertinggi menggunakan bahan rujukan min (3.47) dan berbincang dengan orang lain untuk menilai kefahaman ($M= 3.22$). Strategi yang agak kurang digunakan pula ialah membuat nota semasa membaca ($M= 2.94$).

Jadual 9: Keseluruhan min dan sisihan piawai dalam strategi metakognitif ($n=256$)

Strategi	Min (M)	Sisihan piawai (SP)
Strategi global	37.57	5.08
Strategi penyelesaian masalah	27.26	3.31
Strategi sokongan	28.50	3.92

Jika dilihat daripada keseluruhan skor min yang tercatat, terdapat perbezaan skor min antara keempat-empat kategori ini. Jadual 9: Dapatan Skor Min dan Sisihan Piawai strategi metakognitif menunjukkan bahawa strategi global mencatatkan skor tertinggi ($M = 37.57$, $SP= 5.08$). Strategi penyelesaian masalah pula mencatatkan skor min ketiga tertinggi ($M= 27.26$, $SP= 3.31$). Seterusnya strategi sokongan meletakkan rekod yang kedua, mencatatkan skor min ($M= 28.50$, $SP= 3.92$) Jika dilihat skor min ketiga-tiga strategi di atas, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan antara ketiga-tiga strategi.

Tahap Keseluruhan Strategi

Jadual di bawah menunjukkan tahap penggunaan keseluruhan strategi, seperti berikut:

Jadual 10: Tahap penggunaan keseluruhan strategi (n=256).

Tahap	Frekuensi	Peratus
Tinggi	60	23.4
Sederhana	193	75.4
Rendah	3	1.2
Jumlah	256	100

Jadual 10 menunjukkan frekuensi dan peratusan tahap pelajar secara keseluruhannya. Peratusan tertinggi seramai 193 orang (75.4%) pada tahap sederhana. Manakala seramai tiga (3) orang iaitu (1.2%) berada pada tahap rendah. Diikuti tahap tinggi seramai 60 orang (23.4%) sahaja. Data kajian menunjukkan pelajar berada pada tahap sederhana dalam penggunaan strategi metakognitif membaca bahasa Arab. Pengkaji mengambil kira tahap keseluruhan pelajar kerana di peringkat ini kesemua mata pelajaran adalah dalam bahasa Arab dan ini dapat menunjukkan tahap pelajar dalam membaca teks bahasa Arab berdasarkan "Strategi Global, Strategi Penyelesaian Masalah, dan Strategi Sokongan. Secara umumnya dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelajar memang menggunakan strategi metakognitif.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan kajian yang telah diperoleh melalui soal selidik, dapat dirumuskan bahawa tahap penggunaan strategi metakognitif dalam kalangan pelajar semasa membaca teks Arab adalah sederhana berdasarkan Strategi Global, Strategi Penyelesaian Masalah dan Strategi Sokongan. Ini menunjukkan strategi yang selalu dan biasa digunakan oleh pelajar mengikut turutan strategi adalah (i) strategi global (ii) strategi sokongan dan (iii) strategi penyelesaian masalah paling kurang digunakan pelajar berbanding strategi-strategi lain. Dapatan tersebut membuktikan bahawa pelajar ada menggunakan strategi metakognitif dalam amalan pembacaan mereka supaya lebih aktif. Pelajar membuat pemantauan seperti bertanya, mencari beberapa alternatif jawapan, mempertimbangkan beberapa jawapan, mencari beberapa cara menyelesaikan masalah, boleh mengawal cara pembacaan. Sekiranya pelajar mampu mempelbagaikan strategi metakognitif ini, pencapaian bahasa Arab dari aspek membaca mereka akan bertambah baik.

Rujukan

- Flavell, J. H. 1979. *Metacognition and Cognitive Monitoring: A New Area of Cognitive-Developmental Inquiry*. American Psychologist, 34, 906-911.
- Baker, L. & A. L. Brown. 1984. Metacognitive Skills And Reading. *Dalam Handbook of Reading Research, disunting oleh P.D. Pearson*. New York: Longman.
- Cairney, T. 1990. *Intertextuality Infectious Echoes From The Past*. The reading Teacher 43(3): 478-484.
- Costa, A., & Garmston, R. Cognitive Coaching: Mediating Growth Toward Holonomy. Chapter 5, pp 52-60 In strunk J. Edwards, J., Rogers, S., & Swords, S. 1998. *The Pleasant view Eksperience*. Golden, co: Jefferson County P.S.
- Chua Yan Piaw. 2012. Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 2. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Kobayashi, M. 2002. Method Effects on Reading Comprehension Test Performance: text organization and response format. *Language Testing*.
- Muhammad Azhar Zailani. 2004. Kesedaran Metakognitif Membaca di kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal pendidikan*. Universiti Malaya.
- Nik Farhan Mustapha. 2011. *Istiratijijat al- Qiraah lada Tholabah al- Lughat al- Arabiyyah fi al- Jamial Futra Malaziya Wa Mada Ta'siruha ala Mustawa Istiabbuhumal Qira'i*. Kuala Lumpur. Universiti Islam Antarabangsa.
- Paik, S. J. 2001. Educational Productivity In South Korea And The United States. *International Journal Of Educational Research*, 30, 535-626.
- Rahimah Shahar. 2006. Pembangunan Laman Web Sebagai Media Pengajaran Di Politeknik Port Dickson: Topik Garis Imbas. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Safiah Osman. 1990. Pengenalan Kemahiran Membaca. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Safiah Osman. 1996. The Active Learning Approach to First and Second Language Teaching and Learning. *Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan English in South East Asia*. National Institute of Education Singapore.
- Yahya Othman. 2008. *Proses & Strategi Membaca Berkesan*: Universiti Putra Malaysia.
- Wan Zahid. 1994. *Wawasan Pendidikan : Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur. Cahaya Pantai Publishing.